



Working Paper No. 23, May 2008

**BUMIPUTERA ISLAM DALAM POLITIK SARAWAK (1963-2007):
SATU ANALISIS¹**

Noor'ain Aini² dan Neilson Ilan Mersat³

Working Paper Series

**Faculty
of
Social Sciences**

BUMIPUTERA ISLAM DALAM POLITIK SARAWAK (1963-2007): SATU ANALISIS¹

Noor'ain Aini² dan Neilson Ilan Mersat³
Fakulti Sains Sosial

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

"He's is not my foe, he's my uncle", says Taib (New Straits Time, 5 Januari 2008).

"Blood is thicker than water (air dicincang tidak akan putus), "says Tun Rahman (Borneo Post, 3 Januari 2008).⁴

1. Pengenalan

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk melihat kedudukan bumiputera Islam dalam konteks politik Sarawak yang lebih luas. Oleh itu, fokus kertas kerja ini adalah tentang penglibatan awal kaum bumiputera Islam Sarawak dalam politik Sarawak selepas kemerdekaan. Ia seterusnya melihat kepada peralihan kuasa daripada bumiputera bukan Islam kepada bumiputera Islam melalui pembentukan kerajaan campuran pada tahun 1970. Akhir sekali, kertas kerja ini menganalisa proses konsolidasi bumiputera Islam dalam politik Sarawak selepas peralihan kuasa tersebut sehingga ke hari ini.

¹ Kertas kerja dibentangkan pada Seminar Serantau Perkembangan Islam Borneo pada 27-28 Februari 2008 di Universiti Teknologi Mara Sarawak.

² Noor'ain Aini adalah pensyarah di Jabatan Politik dan Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.

³ Dr Neilson Ilan Mersat adalah Ketua Jabatan Politik dan Hubungan Antarabangsa di Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak.

⁴ Petikan di atas menggambarkan peristiwa bersejarah dalam politik Sarawak apabila dua pemimpin utama Sarawak, Ketua Menteri Abdul Taib Mahmud dan bekas Ketua Menteri yang juga ayah saudaranya, Tun Abdul Rahman Yaakub, berpelukan sebagai tanda tamatnya perbalahan keluarga yang telah berlanjutan selama lebih dua dekad antara mereka. Kedua-dua tokoh tersebut amat signifikan kepada perbincangan dalam kertas kerja ini kerana apabila kita memperkatakan tentang politik Sarawak, kita tidak boleh lari daripada menyebut sumbangan dan peranan kedua-dua pemimpin tersebut. Jika digabungkan, Sarawak telah berada dalam kepimpinan mereka selama lebih 38 tahun, hanya kurang tujuh tahun daripada tempoh Sarawak mendapat kemerdekaan dalam Malaysia. Justeru itu, peristiwa perdamaian antara mereka yang berlangsung pada awal Januari ini telah membuka lembaran baru dalam sejarah politik Sarawak.